

13/08/2002

MCA tangguh siasatan ketua Wanita ditampar

KUALA LUMPUR, Isnin - Jawatankuasa disiplin MCA menangguhkan siasatan mengenai kejadian seorang ketua cawangan parti menampar ketua Wanita negeri pada mesyuarat perwakilan tahunan Wanita (AGM) MCA yang dijadualkan esok, sehingga notis baru dikeluarkan.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata siasatan itu terpaksa ditangguhkan berikutan satu notis yang dikemukakan seorang daripada lima anggotanya yang memaklumkan bahawa tempoh jawatan mereka tamat selepas AGM parti pada 27 Julai.

"Saya perlu mendapatkan penjelasan lanjut daripada presiden pada perasmian Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) esok.

"Setahu saya, jawatankuasa sedia ada masih boleh menjalankan tugas dalam tempoh interim ini hingga jawatankuasa pusat bermesyuarat bagi memutuskan anggota jawatankuasa yang baru," katanya ketika dihubungi hari ini.

Selain Lim selaku pengerusi, jawatankuasa disiplin itu dianggotai dua naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Dr Fong Chan Onn, ketua Wanita Datuk Dr Ng Yen Yen dan ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat.

Lim berkata Fong telah memaklumkan kepada setiausaha jawatankuasa disiplin Mok Ah Hoo meminta supaya beliau "dikecualikan" daripada menghadiri siasatan itu kerana tempoh jawatan, jawatankuasa itu sudah tamat selepas AGM pada 27 Julai.

Lim berkata beliau tidak mempunyai pilihan selain menangguhkan siasatan itu sehingga status jawatankuasa sedia ada diselesaikan. Siasatan itu sebelum ini dijadualkan bermula pada 2.30 petang esok, di ibu pejabat parti di sini.